

PUTRAJAYA**Pertahan kedudukan**

Malaysia kini giat melobi bagi mempertahankan kedudukannya dalam senarai 20 negara utama Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) bagi Kategori C selaras peranannya yang semakin menonjol dalam badan bertaraf dunia itu, kata Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat.

Katanya, dalam pemilihan yang akan diadakan 27 November ini, Malaysia bersaing dengan 25 negara, termasuk lima negara Asean seperti Singapura, Thailand dan Indonesia dan penting untuk negara mempertahankan kerusi yang dipertandingkan itu.

"Ini disebabkan lokasi kita sebagai negara pesisir pantai. Sejak abad ke-15, kegiatan perdagangan maritim giat dijalankan di negara kita terutama peranan Selat Melaka," katanya selepas merasmikan Sambutan Hari Maritim Sedunia 2009 Peringkat Kebangsaan, di sini semalam.